

Sistem tempahan melalui aplikasi selesai isu parkir di ibu negara

Kamal Ahmad,
Batu Caves,
Kuala Lumpur

Sejak mula bekerja di ibu kota sekitar tahun 2000, saya memang banyak menggunakan kenderaan sendiri bukan sahaja berulang-alik dari rumah ke tempat kerja, bahkan melakukan pelbagai urusan. Kereta sebenarnya menjadi keperluan terutama kepada mereka yang perlu sentiasa bergerak.

Bagi pengguna kenderaan persendirian, antara cabaran utama adalah kekurangan tempat meletak kenderaan hingga banyak masa terbuang kerana terpaksa mencari parkir kosong.

Sudahlah begitu, ada pula premis seperti restoran dan kedai makan menjadikan parkir awam ibarat lot kedai tambahan hingga meletakkan pelbagai halangan, manakala bengkel terutama meletakkan kon, tayar terpakai serta tong cat untuk kemudahan pelanggan mereka.

Jadi saya perlu memberikan pujian kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atas tindakan penguatkuasaan seperti yang saya lihat pada akhir tahun lalu di Jinjang Utara.

Langkah DBKL menyita barang seperti kon, tayar terpakai dan tong cat dijadikan halangan di petak parkir wajar kerana kemudahan awam adalah untuk kepentingan bersama, bukan hak eksklusif individu tertentu.

Namun berdasarkan pengalaman saya, ia bukan hanya isu tidak mematuhi undang-undang perbandaran, bahkan turut membabitkan kekurangan kemudahan parkir dan pemantauan tidak konsisten.

Jadi saya ingin mencadangkan DBKL perlu melabur dalam pembinaan lebih banyak parkir bertingkat di kawasan dikenali pasti dengan kerjasama pihak swasta. Jadi sebelum sesuatu projek pembinaan diluluskan, DBKL boleh meletakkan syarat tertentu untuk menambah



Pembinaan lebih banyak parkir bertingkat antara usaha boleh dilaksanakan dalam menangani isu parkir di ibu kota. (Foto hiasan)

bilangan tempat parkir yang boleh digunakan orang awam.

Syor tingkat penggunaan teknologi

Malah, di beberapa negara maju, mereka turut menyediakan tempat parkir yang menggunakan teknologi untuk mengoptimumkan jumlah tempat letak kereta.

Pada masa sama, penguat kuasa DBKL perlu menjalankan pemantauan secara berkala supaya tidak ada pemilik premis bertindak seperti kucing tiada, tikus menjadi raja.

Dalam hal ini, DBKL disarankan meningkatkan penggunaan teknologi seperti kamera pintar atau aplikasi untuk mengesan pelanggaran undang-undang, sekali gus mengurangkan ketergantungan pada rondaan fizikal semata-mata.

Kempen kesedaran mengenai kepentingan

menjaga kemudahan awam juga perlu dijalankan secara agresif. DBKL boleh bekerjasama dengan persatuan penduduk dan Ahli Parlimen untuk mendidik masyarakat mengenai akibat tindakan 'memonopoli' parkir terhadap pengguna lain.

Malah, saya rasa sudah tiba masanya DBKL memperkenalkan sistem tempahan parkir melalui aplikasi mungkin dapat membantu mengurangkan masalah ini.

Pengguna boleh menempah ruang parkir dengan bayaran tertentu yang secara tidak langsung dapat mencegah 'penempahan' tidak sah menggunakan halangan fizikal.

Saya percaya tindakan proaktif seperti ini bukan sahaja dapat menyelesaikan isu parkir tetapi juga meningkatkan keselesaan dan kebolehpercayaan rakyat terhadap pengurusan bandar oleh DBKL.